

Perompak laut rampas kapal *Orkim Harmony* selepas seminggu samun *Orkim Victory*

Kapal tangki Malaysia ditawan lanun

Oleh JUNHAIRI ALYASA, SOPI SAMAILE dan NORAINI HASSAN BASRI

JOHOR BAHRU - Sebuah kapal tangki minyak Malaysia, *Orkim Harmony* yang membawa 22 kru dengan muatan 6,000 tan metrik petrol RON95 dipercayai dirampas sekumpulan lanun selepas hilang di perairan Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor sejak Khamis lalu.

Menurut sumber Maritim Malaysia (APMM), pihaknya percaya kehilangan *Orkim Harmony* mempunyai kaitan dengan kegiatan lanun kerana kawasan tersebut merupakan lokasi panas perompak laut yang menyamun kapal dagang.

"Kami percaya kehilangan kapal *Orkim Harmony* angkara lanun kerana sudah lebih tiga kali kejadian yang serupa berlaku di kawasan yang sama tahun ini.

"Malah, ini kali kedua kapal daripada syarikat yang sama ditawan lanun selepas sebuah lagi kapal, *Orkim Victory* diserang pada 4 Jun lalu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, pusat maklumat Perjanjian Kerjasama Serantau bagi Membanteras Pelanunan dan Rompakan Bersenjata Terhadap Kapal di Asia turut memuat naik amaran kegiatan lanun berhubung kejadian kehilangan *Orkim Harmony* di laman sesawang mereka.

Dalam pada itu, seorang pegawai keselamatan di kawasan tersebut berkata, pada masa ini pemilih kapal masih belum menerima sebarang tuntutan



KAPAL *Orkim Harmony* bersama 22 kru dipercayai dirampas lanun yang kini semakin aktif menyamun kapal dagang di perairan Tanjung Sedili, Kota Tinggi.



IBRAHIM

Sdn. Bhd. (*Orkim*) itu membawa muatan minyak petrol RON95 sebanyak 6,000 tan metrik bernilai RM12.3 juta dalam pelayaran dari Melaka ke Pelabuhan Kuantan, Pahang.

Kapal itu membawa bersama 22 orang kru terdiri daripada 16 rakyat tempatan, lima warga Indonesia dan seorang warga

Myanmar.

Usaha untuk mendapatkan kenyataan daripada syarikat tersebut gagal kerana difahamkan pengurusan *Orkim* sibuk bermesyuarat mengenai situasi terbaharu yang melanda syarikat berkenaan.

Sementara itu, APMM menerusi satu kenyataan semalam berkata, pihaknya

menghantar maklumat kepada Singapore Coast Guard, Badan SAR Nasional dan Badan Keamanan Laut Republik Indonesia.

"Sehingga kini, belum ada sebarang maklumat penemuan *Orkim Harmony* dan pemantauan juga dilaksanakan aset APMM di perairan Sabah dan Sarawak," katanya.

Kata Ibrahim, operasi pencarian melibatkan tiga kapal dan bot APMM selain menggunakan sebuah helikopter serta dibantu oleh Tentera Laut Diraja Malaysia menerusi kapalnya iaitu *KD Laksamana Tan Puschah* dan *KD Ganyang*.

Dalam pada itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam turut melahirkan rasa sedih dengan berita rampasan ke atas kapal tangki



KERATAN *Kosmo!* 16 Jun 2014.

INFO Kes kapal dirampas lanun

- **14 Jun 2014** - Tujuh lanun bersenjatakan pistol, besi dan parang bertindak merampas sebuah kapal tangki *MT Ai Maru* dan mengurung 14 anak kapal sebelum menyedut 700,000 liter diesel dalam kejadian di perairan berhampiran Tanjung Sedili, Johor.
- **8 Disember 2014** - Sekumpulan lelaki bersenjata menembak seorang kelasi Vietnam dan merompak sebuah kapal tangki yang membawa muatan asfalt dalam pelayaran dari Singapura ke Vietnam di perairan Pulau Aur, selatan Johor.
- **29 Januari 2015** - Cubaan sembilan lanun untuk merompak sebuah kapal membawa muatan kargo minyak jenis Marine Fuel Oil sebanyak 700 tan metrik yang bernilai RM900,000 di kedudukan dua batu nautika Tanjung Ayam, Perairan Pengerang, Kota Tinggi Johor berjaya digagalkan Maritim Malaysia.

daripada mana-mana pihak.

Kapal *Orkim Harmony* iaitu sebuah kapal tangki yang berdaftar di Malaysia dilaporkan terputus hubungan pada 11 Jun pukul 8.50 malam.

Kapal yang dimiliki syarikat Orkim

sudah mendapatkan bantuan pihak berkuasa Singapura dan Indonesia dalam mengesan kapal tangki tersebut.

Pengarah Operasi Wilayah Selatan, Laksamana Pertama Maritim Ibrahim Mohamed berkata, pihaknya telah

Orkim Harmony.

"Saya berdoa agar semua 22 kru kapal berkenaan berada dalam keadaan selamat. Kerajaan akan menghantar segala bentuk bantuan," katanya semalam.

sebelum beraja digagalkan Maritim Malaysia.

● **11 Mac 2015** - APMM Wilayah Selatan berjaya menemui semula sebuah kapal Malaysia yang hilang ketika dalam perjalanan dari pelabuhan Singapura pada 9 Mac lalu selepas dirompak lanun di Tanjung Labuh perairan Batu Pahat.

● **4 Jun 2015** - Sekumpulan lelaki bersenjata menawan kapal *Orkim Victory* dan 18 anak kapal ketika dalam perjalanan dari Melaka ke Kuantan di perairan berdekatan Pulau Aur, Mersing. Mereka mengubah perjalanan kapal dan memindahkan minyak daripada kapal tersebut sebelum melarikan diri ke Pulau Matek di Indonesia.



PELABUHAN Kuantan merupakan destinasi *Orkim Harmony* selepas berlepas dari Melaka.



LANUN menyerang kapal *Orkim Victory* pada 4 Jun lalu dan menyamun minyak yang dibawa kapal tersebut.

Kapal bawa minyak jadi sasaran lanun

KUALA LUMPUR - Ketua Pusat Laporan Lanun Biro Maritim Antarabangsa (IMB), Noel Choong berkata, kapal dagang yang membawa muatan minyak petrol dan diesel menjadi sasaran lanun di perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka.

Katanya, kegiatan lanun di perairan Malaysia, Singapura dan Indonesia semakin

aktif sejak April tahun lalu dengan modus operandi lanun menyerang hendap kapal dalam kategori kecil yang membawa muatan di bawah 6,000 tan metrik minyak.

"Lanun memilih untuk menyamun kapal dagang muatan minyak kerana boleh membawa keuntungan yang lumayan kepada mereka.

"Lazimnya modus ope-

ranti lanun, mereka hanya mencuri minyak dan melepaskan anak kapal dan kapal tersebut.

"Namun ada beberapa kes anak kapal tercedera dan seorang mati tahun lepas," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

IMB ialah sebuah pusat laporan kegiatan lanun di sekitar perairan Malaysia

berpangkalan di Kuala Lumpur.

IMB akan membekalkan maklumat yang diterima untuk pihak berkuasa dan syarikat-syarikat kapal.

Noel turut menasihatkan kapal-kapal dagang kecil agar berhati-hati ketika berada di perairan kerana lanun tersebut berbekalkan senjata.